

**AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974**  
**PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING**  
**(LEMBAGA RAYUAN) 2003**  
**RAYUAN NO.: LR/JAS/16-2019**

*(Di bawah Peraturan 3 (1) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling  
(Lembaga Rayuan) 2003)*

**ZAKARIA BIN ISMAIL**

**...PERAYU**

**DAN**

**KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR**

**...RESPONDEN**

**RINGKASAN KEPUTUSAN DEWAN RAYUAN**

**Kuorum Lembaga Rayuan:**

Hakim Puan Rozina Ayob (Pengerusi)  
Prof. Dato' Dr. Mazlin Bin Mokhtar dan  
Prof. Madya Dr. Ramdzani Bin Abdullah

**Perayu:** Haji Zakaria Ismail

**Peguam Perayu:**

Meena Raman (Penasihat guaman utama), Jessica Binwani, Theiva Lingam & MS Kumaari

**Peguam bagi Responden:**

Peguam Persekutuan Puan Nurliyana binti R Azmi

Perayu mengemukakan Notis Rayuan pada 29.07.2019, di bawah seksyen 35 (1) (e) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (EQA 1974), yang merayu terhadap keputusan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (DG DoE) bertarikh 25.06.2019, yang merupakan persetujuan dengan syarat, Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) untuk projek penambakan seluas 4.500 ekar yang dikenal sebagai Penang South Reclamation Project (PSR).

Lembaga Rayuan telah mendengar hujah mengenai isu awal yang dikemukakan oleh peguam Perayu di bawah Seksyen 34A (4) (a) EQA 1974. Seksyen 34A (4) (a) yang menyatakan berikut,

*"Jika DG, setelah memeriksa laporan tersebut (merujuk kepada EIA) dan setelah membuat pertanyaan seperti yang dianggapnya perlu, berpendapat bahawa (a) laporan tersebut tidak mengikut pelan pembangunan atau rancangan fizikal yang disetujui oleh pihak berkuasa kelulusan yang berkaitan... dia tidak akan meluluskan laporan itu, memberikan alasan untuk tidak meluluskannya, dan akan memberitahu*

*orang dan pihak berkuasa yang berkenaan dengan sewajarnya.”*

Lembaga Rayuan telah mempertimbangkan isu-isu berikut:

- (a) Adakah wajib bagi DG ketika mempertimbangkan kelulusan laporan EIA untuk memastikan bahawa ia mengikut pelan pembangunan yang diluluskan?
- (b) Adakah EIA pada masa kelulusan melanggar Pelan Struktur Pulau Pinang 2020?
- (c) Adakah keputusan kelulusan draf RSNPP2030 (Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 - Rancangan Struktur Pulau Pinang 2030) oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri pada 14.03.2019 yang dirujuk oleh JAS itu cukup untuk DG memberikan kelulusannya.

Lembaga telah berpendapat bahawa wajib bagi DG untuk mematuhi s.34A (4) (a) EQA 1974 dalam meluluskan laporan EIA.

Kelulusan laporan EIA adalah ultra vires s.34A (4) (a) EQA 1974 dan keputusan DG adalah tidak sah dan oleh itu dibatalkan (*null and void*).

Draf RSNPP2030 yang diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri yang dirujuk oleh Responden (JAS) tidak mencukupi untuk tujuan S.34A (4) (a) EQA 1974. Itu bukan lah rancangan pembangunan bagi maksud S. 34A(4)(a) dan ia adalah draf rancangan Rancangan Struktur kerana ia belum disetujui oleh Pihak Berkuasa Negeri (iaitu Gabenor) seperti yang diwajibkan di bawah seksyen 10 (6) Akta Perancangan Bandar dan Desa '76, bagi draf tersebut menjadi efektif mengikut undang-undang.

(Gabenor memberikan persetujuannya kepada Rancangan Struktur 2030 pada 28.08.2019, dan RSNPP2030 diterbitkan dalam warta pada 24 Oktober 2019).

Oleh itu, adalah pra-matang bagi Responden untuk bergantung pada RSNPP2030 kerana rancangan yang relevan pada masa itu adalah Rancangan Struktur Pulau Pinang 2020 yang tidak membenarkan tebusguna tanah untuk projek PSR.

Lembaga juga telah melihat sama ada mereka mempunyai bidang kuasa untuk menyembuhkan kecacatan ini dan menyimpulkan bahawa Sek. 35 (2) EQA 1974 harus dibaca bersama dengan Peraturan Mahkamah 2012. Lembaga berpendapat bahawa mereka tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyembuhkan kecacatan ini.

Oleh itu, bantahan awal oleh perayu, Tuan Haji Zakaria Ismail telah benarkan dan kelulusan dari Ketua Pengarah DoE untuk PSR EIA kini diketepikan kerana ia adalah ultra vires, dan batal (*null and void*) mengikut s.34A (4) (a) EQA 1974.

Oleh kerana demikain, Lembaga Rayuan tidak perlu mempertimbangkan merit rayuan ini.

**Komen kami sebagai peguam** - Keputusan ini adalah sangat penting kerana ia bukan sahaja penting untuk kes PSR tetapi semua kelulusan EIA oleh JAS.

Keputusan Lembaga Rayuan adalah yang paling penting untuk memahami bagaimana Ketua Pengarah JAS mesti membuat keputusan yang memastikan

bahawa projek-projek di mana EIA diperlukan adalah mengikut rancangan struktur atau rancangan tempatan yang berkesan secara undang-undang.

**Meena Raman**  
**Ketua Peguam untuk perayu**